# LAPORAN TAHUNAN 2011
## JABATAN MUZIUM MALAYSIA

© Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada
Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia
Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur.



*Celepa DiRaja Terengganu -*
*Artifak Warisan Kebangsaan Tahun 2009*

# KANDUNGAN


4 Perutusan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia
6 Dari Pejabat Ketua Pengarah
10 Visi, Misi dan Objektif
11 Sejarah Jabatan Muzium Malaysia: Satu Perjalanan
16 Pengurusan Tertinggi dan Pegawai-Pegawai Kanan JMM
19 Pengurusan, Pembangunan dan Sumber Maklumat
37 Program Pameran
49 Pengurusan Koleksi
55 Perkhidmatan Konservasi
61 Penyelidikan dan Penerbitan
67 Pemasaran dan Khidmat Seranta
73 Pendidikan Muzium
85 Laporan Kewangan
89 Statistik Pengunjung
93 Muzium-Muzium di Bawah JMM
101 Lampiran

# PERUTUSAN

MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA





**MUZIUM DAN TAMADUN**

Jabatan Muzium Malaysia merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) yang berperanan menyumbang ke arah mencapai visi Kementerian. Ini berjaya dilakukan dari segi memberikan kesedaran kepada masyarakat terhadap kepentingan menghargai sejarah, budaya, pameran, koleksi dan alam semula jadi negara lebih-lebih lagi dalam era globalisasi. Saya percaya, kerja keras yang ditunjukkan dan hasil yang dituai selama ini atas semangat kerjasama dan komitmen setiap warga muzium dalam memastikan misi dan visi Jabatan dapat direalisasikan.

Tahun 2011 memperlihatkan kematangan muzium dalam mempelopori wadah perjuangan Kementerian melalui kepelbagaian tema pameran dalam dan pameran luar, perolehan koleksi yang berharga, program konservasi dan khidmat nasihat konservasi kepada agensi luar, pengembangan bidang penyelidikan, dokumentasi dan penerbitan serta pengembangan pendidikan bagi menyebar luas penerangan berkaitan sejarah, budaya, koleksi dan alam semula jadi negara kepada setiap lapisan masyarakat.





Sekalung tahniah dan terima kasih atas kerjasama dan komitmen berterusan yang diberikankan oleh seluruh warga Jabatan Muzium Malaysia kepada Kementerian ini dalam membantu menjayakan segala program dan aktiviti yang dipertanggungjawabkan kepada KPKK. Tentunya semangat ini lahir daripada hati yang tulus dalam memastikan harapan negara direalisasikan melalui gagasan 1Malaysia – Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan.

Utamakanlah pencapaian menerusi semangat kerjasama dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan di samping mengekalkan nilai-nilai integriti, kebolehan, kesetiaan dan kebangsaan yang perlu diterapkan bagi membantu Jabatan Muzium Malaysia khususnya dan Kementerian amnya mendukung Program Tranformasi Kerajaan seterusnya menjayakan konsep 1Malaysia.

**Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim**
Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia

# DARI PEJABAT
KETUA PENGARAH



Bismillahirrahmanirrahim.

Tahun 2011 menyaksikan rentetan pelbagai peristiwa penting yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Muzium Malaysia bagi merealisasikan matlamat penubuhannya. Sebagai sebuah institusi yang berperanan untuk memastikan kelestarian warisan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara ini terus dipelihara, jabatan ini sentiasa berusaha menambah baik mutu perkhidmatan seiring dengan peredaran masa. Justeru, penghasilan Buku Laporan Tahunan 2011 harus dilihat sebagai satu langkah yang positif dalam usaha pihak jabatan menyebarkan maklumat terutamanya yang berkaitan dengan pencapaian jabatan dan seterusnya memberikan ruang untuk menilai prestasi terdahulu agar perancangan untuk tahun berikutnya dapat dilakukan dengan lebih baik dan berkesan.







*Festival Orang Asli: Kepercayaan dan Tradisi pada 20 Mei 2011*

Pendokumentasian pelbagai program dan aktiviti jabatan secara teratur dan mantap akan memudahkan pencarian maklumat bagi tujuan rujukan dan juga penyelidikan termasuklah mengenai pameran, koleksi artifak, bahan-bahan terbitan JMM, penyelidikan, aktiviti pengembangan dan pendidikan muzium dan lain-lain lagi. Laporan yang dipaparkan boleh memberikan manfaat kepada warga kerja jabatan dan juga masyarakat kerana ia memberikan peluang kepada orang awam untuk mengetahui secara dekat fungsi jabatan ini. Diharapkan supaya data-data yang terkandung di dalam buku ini dapat membantu carian maklumat khususnya yang berkaitan dengan aktiviti teras jabatan ini.

Antara pencapaian yang menjadi kebanggaan warga JMM pada tahun 2011 ialah kepelbagaian tema pameran-pameran khas yang telah diadakan sepanjang tahun. Pameran yang berjaya menarik minat pengunjung ialah Pameran Setem 1Malaysia Satu Dunia, Pameran Batu-batuan Pelik, Pameran Bola Sepak Piala Suzuki AFF 2010 dan Pameran Keajaiban Khazanah Kapal Karam. Selain itu, jumlah kedatangan pelawat secara keseluruhan turut meningkat dengan mencatat 3.14 juta pelawat pada tahun 2011 iaitu melebihi Indeks Petunjuk Prestasi Utama yang ditetapkan sebanyak 3 juta pengunjung sahaja.







Manakala dalam bidang pengurusan, jabatan ini turut menerima pengiktirafan yang dianugerahkan oleh pelbagai pihak sebagai tanda mereka menghargai komitmen yang ditunjukkan dalam pelbagai aspek. Sekadar memetik beberapa contoh, tempat kedua Anugerah Pencapaian KPI HRMIS 2011 KPKK, tempat kedua Pengurusan Kewangan Terbaik Peringkat KPKK dan Anugerah Tandas Bersih 1Malaysia kepada Galeria Perdana.

Penganjuran Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan merupakan aktiviti tahunan yang menghimpunkan warga muzium dari seluruh Malaysia. Selaku peneraju Jawatankuasa Induk Sambutan, JMM telah berjaya menyusun pelbagai aktiviti yang diadakan di Negeri Sembilan sebagai tuan rumah bagi tahun 2011. Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat serta penyertaan oleh muzium-muzium negeri, muzium institusi dan muzium swasta.

Kerjasama antara agensi luar sama ada di dalam atau luar Negara turut menjadi fokus jabatan dalam usaha untuk mengukuhkan jaringan perhubungan terutamanya dari segi perkongsian ilmu pengetahuan dan kepakaran. Penglibatan jabatan di peringkat antarabangsa menerusi *International Council of Museums* (ICOM), *Southeast Asian Ministers of Education Organization-Regional Centre for Archaeology and Fine Arts* (SEAMEO SPAFA), *Asia Europe Museums* (ASEMUS) dan lain-lain lagi mampu meningkatkan kepakaran modal insan khususnya dalam bidang permuziuman. Dari semasa ke semasa, para pegawai turut dihantar menjalani pelbagai program latihan di luar negara untuk memberikan pendedahan serta membuat perbandingan mengenai standard amalan terbaik muzium-muzium seluruh dunia. Di samping itu, melalui agensi seperti *The Japan Foundation* dan pejabat kedutaan- kedutaan asing di Malaysia, usaha sama dalam bentuk penganjuran pameran dan penyelidikan yang memaparkan variasi budaya masyarakat dunia juga dapat dilaksanakan.

Harapan saya semoga visi jabatan untuk Menjadi Institusi Permuziuman Unggul di Asia akan menjadi kenyataan. Tahniah saya ucapkan kepada Bahagian Penyelidikan dan semua yang terlibat dalam penghasilan laporan ini. Sekalung penghargaan saya titipkan kepada semua warga jabatan yang telah bersama-sama menggembleng tenaga bagi memastikan misi ini tercapai dengan jayanya. Terima kasih juga kepada Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan atas sokongan berterusan dan kerjasama yang diberikankan bagi memantapkan lagi mutu perkhidmatan jabatan ini.

**"KUNJUNGILAH MUZIUM"**

**Dato' Ibrahim bin Ismail**
Ketua Pengarah
Jabatan Muzium Malaysia

*1. Galeri C, Muzium Negara.*
*2. Galeri B, Muzium Negara.*




# PROFAIL KORPORAT



# PROFAIL KORPORAT

## Visi

Menjadi institusi permuziuman unggul di Asia

## Misi

1. Mengumpul dan memulihara koleksi artifak yang signifikan.
2. Menghasil dan mendokumentasikan penyelidikan koleksi artifak.
3. Mengadakan pameran-pameran menarik secara berterusan.
4. Menjadi destinasi utama pelancongan.

## Objektif

1. Menjalankan kerja-kerja pengumpulan, pemuliharaan dan pengekalan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara.
2. Menyebarkan ilmu pengetahuan melalui aktiviti pameran program-program pendidikan dan pengembangan muzium.

## Fungsi

1. Menyelidik, mengumpul, memelihara warisan sejarah, kebudayaan dan alam semula jadi negara.
2. Mengurus muzium-muzium di bawah pentadbiran persekutuan dan memberikan khidmat kepakaran dan nasihat kepada muzium-muzium negeri, jabatan kerajaan dan swasta.
3. Mendokumentasikan koleksi jabatan dan menerbitkan hasil penyelidikan.
4. Memberikan khidmat pengembangan ilmu pengetahuan melalui pameran, ceramah, bengkel, seminar, forum dan persidangan dan lawatan berpandu ke balai-balai pameran.

# SEJARAH JABATAN MUZIUM MALAYSIA: SATU PERJALANAN



Penubuhan awal muzium di Tanah Melayu bermula pada tahun 1883 apabila pemerintah British membuka Muzium Perak yang kemudiannya diikuti penubuhan Muzium Selangor pada tahun 1904. Pada tahun 1953, Muzium Negara Sementara ditubuhkan sehinggalah pada tahun 1963 apabila dirasmikan Muzium Negara yang kekal hingga hari ini yang menjadi nadi dan mercu kepada usaha memartabatkan sejarah warisan negara. Rentetan peristiwa penubuhan muzium-muzium ini berkait rapat dengan penubuhan sebuah jabatan yang menjadi nadi kepada pembangunan dan kemajuan muzium di Malaysia.

Jabatan Muzium yang ditubuhkan dan mula beroperasi di Muzium Selangor pada tahun 1904 adalah bertanggungjawab mengawasi pentadbiran Muzium Perak dan Muzium Selangor. Pada tahun yang sama, kedua-dua muzium ini disatukan menjadi Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Muzium. J.L.Wray dilantik sebagai Pengarah pertama Jabatan Muzium hingga tahun 1908, kemudian digantikan oleh H.C.Robinson hingga tahun 1926, dan C.Boden Kloss hingga tahun 1931.

Pada 1 Januari 1932, Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah dibubarkan, dengan itu Jabatan Muzium juga turut dibubarkan dan kedua-dua buah muzium itu dipisahkan semula dan wujud sebagai dua buah muzium yang berasingan. Pemisahan dilakukan selaras dengan pelaksanaan dasar disentralisasi yang dijalankan oleh pemerintahan British di Tanah Melayu pada tahun tersebut. Usaha mewujudkan semula Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Jabatan Muzium oleh pegawai British, Kapten H.M.Pendlebury yang ketika itu menjawat jawatan Kurator Muzium Selangor mendapat perhatian pemerintah British dan kedua-dua entiti tersebut diwujudkan semula bermula pada tahun 1938. Kapten H.M.Pendlebury telah dilantik menjadi Pengarah Jabatan



Muzium hingga tahun 1941 apabila tentera Jepun mengambil alih pemerintahan Tanah Melayu. Tentera Jepun ditempatkan di Muzium Selangor bagi menjaga muzium tersebut dan seterusnya, Muzium Selangor ditutup kepada orang awam untuk lawatan.

Walaupun Muzium Selangor ditutup kepada orang awam, tetapi kerja-kerja mengumpul dan menambah koleksi muzium diteruskan apabila Pegawai Pemerintah Tentera Jepun memanggil semula seorang bekas pekerja muzium, iaitu Bachik Mohd Tahir untuk menjaga muzium. Kemudian beliau memanggil semula pekerja Muzium Selangor yang telah berhenti akibat pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Pada bulan Jun 1943, empat orang pegawai Jepun dilantik untuk bertugas di Jabatan Muzium yang beribu pejabat di Muzium Selangor. Jabatan  Muzium yang baharu semasa pemerintahan Jepun diketuai oleh Dr. Iwao Hino sebagai Pengarah hingga 2 Mac 1945 apabila Dr. Takahashi dilantik menggantikannya sebagai Pengarah Jabatan Muzium. Tempoh pentadbirannya singkat apabila pada 10 Mac 1945, Muzium Selangor menjadi mangsa pengeboman tentera udara Amerika Syarikat menyebabkan kesemua koleksi bahan pameran di bahagian kanan muzium turut musnah. Koleksi muzium yang terselamat ditempatkan sementara di bilik darjah di Sekolah Convent Bukit Nenas, Kuala Lumpur hingga akhir tahun 1945.

Pada tahun 1946, Pemangku Pengarah Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah dilantik sebaik sahaja Jepun menyerahkan pentadbiran Muzium Selangor kepada pemerintah British. Dari tahun 1946 hingga tahun 1948, empat orang Pemangku Pengarah Jabatan Muzium

yang juga menjadi Pemangku Pengarah Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah dilantik dan salah seorangnya ialah M.W.F.Tweedie, bekas Pengarah Muzium Raffles, Singapura yang berkhidmat hingga tahun 1947 dan kemudiannya digantikan oleh H.T.Padgen. Cadangan supaya dibina sebuah muzium baharu telah dikemukakan oleh H.T.Padgen kepada pihak pemerintah British di Tanah Melayu bagi menggantikan Muzium Selangor sehinggalah akhirnya Muzium Negara Sementara dibina dan dibuka dengan rasminya pada 11 Februari 1953 oleh Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Gerald Templer. Pengarah Jabatan Muzium di Muzium Negara Sementara ini ialah G.de G.Sieveking dan muzium ini diletakkan di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran.

Pada tahun 1957, Jabatan Muzium diletakkan di bawah Bahagian Kebudayaan dalam Kementerian Kebajikan Masyarakat. Kemudian, Jabatan Muzium diletakkan dalam portfolio Jabatan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu mulai tahun 1958 hingga tahun 1970. Muzium Negara Sementara telah beroperasi selama lima tahun. Pada tahun 1958, bangunan muzium ini dirobohkan bagi melancarkan projek pembinaan bangunan tetap Muzium Negara.

Penggubalan Dasar Kebudayaan pada tahun 1971 menyaksikan Bahagian Kebudayaan yang sebelumnya di bawah naungan Kementerian Penerangan sejak tahun 1964 diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang turut merangkumi Jabatan Muzium sebagai salah sebuah agensinya. Di samping aktiviti permuziuman, Jabatan Muzium memainkan peranan penting menguruskan hal-hal berkaitan dengan ekskavasi arkeologi, pemeliharaan, pemuliharaan, penyelenggaraan dan pewartaan monumen bersejarah dan tapak-tapak ekskavasi, mengawal perniagaan antik serta eksport benda purba di bawah Akta Benda Purba 1976. Manakala pada tahun 1978, Jabatan Muzium telah dipindahkan sementara ke Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar.

Pada 20 Mei 1987, Jabatan Muzium berpindah kementerian sekali lagi apabila komponen kebudayaan dipisahkan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan ia diletakkan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Ini diikuti dengan penubuhan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan pada 22 Oktober 1992, seterusnya pada tahun yang sama, distruktur semula dan diberikan nama baharu kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia hingga tahun 2004. Jabatan Muzium berpindah ke kementerian berkenaan bersama Jabatan Arkib Negara dan Perpustakaan Negara. Perubahan ini menuntut Jabatan Muzium dan agensi-agensi di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan memberikan penekanan terhadap usaha menggalakkan industri pelancongan di negara ini.

Jabatan Muzium kemudiannya dikenali sebagai Jabatan Muzium dan Antikuiti mulai 11 Mac 1993 setelah melalui penyusunan semula struktur organisasi. Jabatan ini memainkan peranan besar untuk memelihara

warisan sejarah dan kebudayaan negara. Di samping itu, Jabatan menjadi agensi penting di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam membangunkan produk pelancongan melalui penubuhan muzium-muzium, pemeliharaan tapak bersejarah, warisan budaya serta alam semula jadi negara.

Penyusunan semula Kabinet pada 27 Mac 2004 menyaksikan Jabatan Muzium dan Antikuiti diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Peranan muzium dalam pembangunan negara bergerak rancak melalui penubuhan lebih banyak lagi muzium sebagai produk pelancongan yang utama seiring dengan keperluan memelihara warisan khazanah negara. Pada 1 Mac 2006, Jabatan Muzium dan Antikuiti bertukar nama kepada Jabatan Muzium Malaysia dengan pengkhususan lebih kepada pengurusan muzium dan koleksi artifak muzium.

Pada 18 Mac 2008, berikutan penyusunan Kabinet, Jabatan Muzium Malaysia dipindahkan ke Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Jabatan Muzium Malaysia kemudiannya diletakkan di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan apabila Kabinet dirombak sekali lagi pada 9 April 2009. Jabatan Muzium Malaysia sebagai sebuah agensi kerajaan Persekutuan terus berperanan mentadbir dan membangunkan 21 buah muzium persekutuan, di samping memelihara dan menyebarkan ilmu pengetahuan mengenai warisan sejarah, budaya serta alam semula jadi negara melalui aktiviti pameran, penyelidikan, penerbitan, program pendidikan serta pengembangan muzium terus diperkasakan.

## SEJARAH JABATAN MUZIUM

| Tahun | Peristiwa |
|---|---|
| 1904 | i. Jabatan Muzium ditubuhkan dan beroperasi di Muzium Selangor yang bertanggungjawab mentadbir Muzium Perak dan Muzium Selangor.<br>ii. Muzium Perak dan Muzium Selangor kemudiannya disatukan menjadi Muzium Negeri-negeri Melayu Bersekutu (MNNMB) di bawah pentadbiran Jabatan Muzium. |
| 1932 | i. 1 Januari, MNNMB dan Jabatan Muzium dibubarkan.<br>ii. Kedua-dua muzium dipisahkan dan wujud sebagai dua muzium yang berasingan. |
| 1938 | Jabatan Muzium dan MNNMB diwujudkan semula. Muzium Perak dan Muzium Selangor disatukan kembali di bawah pentadbiran Jabatan Muzium. |

| Tahun | Peristiwa |
|---|---|
| 1953 | Muzium Negara Sementara dirasmikan pada 11 Februari 1953 di bawah tanggungjawab Jabatan Muzium, manakala Jabatan Muzium diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran. |
| 1957 | Jabatan Muzium diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). Asalnya KKBS di bawah Bahagian Kebudayaan di Kementerian Kebajikan Masyarakat. |
| 1958 | Jabatan Muzium diletakkan dalam portfolio Jabatan Perdana Menteri. |
| 1964 | Bahagian Kebudayaan dipindahkan di bawah Kementerian Penerangan. |
| 1972 | Penggubalan Dasar Kebudayaan 1971, Bahagian Kebudayaan yang merangkumi Jabatan Muzium diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. |
| 1978 | i. Jabatan Muzium dipindahkan seketika ke Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar.<br>ii. 20 Mei, Jabatan Muzium diletakkan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. |
| 1987 | 20 Mei, Jabatan Muzium dipindahkan ke Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. |
| 1992 | i. 22 Oktober – struktur kementerian dikemas kini dan diberi nama baharu kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.<br>ii. Ditukar nama kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia hingga tahun 2004. |
| 1993 | Jabatan Muzium diberikan nama baharu iaitu Jabatan Muzium dan Antikuiti mulai 11 Mac 1993. |
| 2004 | 27 Mac, kementerian telah diberikan nama baharu, iaitu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. |
| 2006 | Jabatan Muzium dan Antikuiti diberikan nama baharu, iaitu Jabatan Muzium Malaysia mulai 27 Mac 2006. |
| 2008 | 18 Mac, kementerian telah diberikan nama baharu, iaitu Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan Jabatan Muzium Malaysia di bawah tanggungjawabnya. |
| 2009 | 9 April, kementerian telah diberikan nama baharu, iaitu Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. |

# PENGURUSAN TERTINGGI
## DAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN JMM



**Dato' Ibrahim bin Ismail**
Ketua Pengarah
Jabatan Muzium Malaysia



**Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff**
Timbalan Ketua Pengarah,
Jabatan Muzium Malaysia



**Kamarul Baharin bin A.Kasim**
Pengarah
Muzium Negara



**Mahani binti Muhammad**
Pengurus
Bahagian Komunikasi Korporat
(Telah bertukar ke
Arkib Negara Malaysia
pada 5 September 2011)



**Mohd Azmi bin Mohd Yusof**
Pengarah
Jabatan Muzium Malaysia
Wilayah Selatan



**Zulkifli bin Jaafar**
Pengarah
Jabatan Muzium Malaysia
Wilayah Utara



**Mohamad Shawali bin Badi**
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan



**Asmah binti Mohd Wazir**
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Teknologi Maklumat



**Mohd Razaimi bin Hamat**
Pendaftar



**Zainal bin Ariffin**
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penyelarasan dan
Pemantauan



**Zawawi bin Itam Osman**
Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan)
Jabatan Muzium Malaysia
(Bersara pada 1 November 2011)



**Ruslee bin Ariffin**
Pengarah
Muzium Diraja



**Tee Siew Mooi**
Timbalan Pengarah
Muzium Negara



**Azmi bin Ismail**
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Perkhidmatan
Muzium



**Esa bin Haron**
Pengarah
Galeria Perdana



**Zanita binti Anuar**
Pengarah
Bahagian Inovasi



**Farizawati binti Sabri**
Timbalan Pengarah
Muzium Alam Semula Jadi



**Samsol bin Sahar**
Penolong Pengarah
Bahagian Pengurusan



**Eyo Leng Yan**
Penolong Pengarah
Bahagian Perkhidmatan
Muzium



**Zamrul Amri bin Zakaria**
Penolong Pengarah
Pusat Konservasi



1



2

3



4



*1. Bufori Mark II, Koleksi Muzium Automobil Nasional.*
*2. Bantera Purba, Koleksi Galeria Perdana.*
*3. Patung Buddha Bodhisattva Avalokitesvara, Koleksi Muzium Negara.*
*4. Manusia Perak, Koleksi Muzium Negara.*



# PENGURUSAN, PEMBANGUNAN DAN SUMBER MAKLUMAT

# PROGRAM PENGURUSAN, PEMBANGUNAN DAN SUMBER MAKLUMAT

## PROFAIL

Program Pengurusan, Pembangunan dan Sumber Maklumat terletak di bawah portfolio Bahagian Pengurusan, Pembangunan dan Sumber Maklumat. Bahagian ini bertanggungjawab merancang, merangka, mengemaskini dasar/ peraturan berkaitan urusan pentadbiran, kewangan, pembangunan sumber manusia, program latihan, projek pembangunan, pengurusan maklumat (ICT) dan HRMIS, pengurusan koleksi dan konservasi.

Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran bertanggungjawab mengendalikan urusan berkaitan aktiviti pengurusan dan pembangunan sumber manusia merangkumi kajian pemantapan organisasi (perjawatan), perancangan kerjaya dan latihan peperiksaan jabatan serta hal-hal perkhidmatan pegawai dan kakitangan JMM. Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam menguruskan aset serta pengurusan pelupusan aset jabatan. Unit Latihan pula dipertanggungjawabkan mengendalikan kursus-kursus serta latihan-latihan ikhtisas permuziuman untuk meningkatkan kompetensi pegawai dan kakitangan Jabatan Muzium Malaysia dengan mengendalikan jadual dan modul kursus.

Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Harta bertanggungjawab merancang dan memantau segala projek pembangunan fizikal serta menjalankan kerja-kerja penyelidikan berkaitan dengan pembangunan dan pengembangan jabatan. Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam merancang, mengenalpasti dan menguruskan pemerolehan tanah, bangunan dan peralatan serta penggunaan peruntukan pembangunan jabatan dengan cekap dan efisyen. Selain itu, ia juga berperanan menguruskan keselamatan fizikal harta, bangunan dan aset.

Bahagian Sumber Maklumat pula bertanggungjawab menyelaraskan aspek pengurusan sumber maklumat yang terbahagi kepada dua, iaitu Unit Sumber Media yang membangun, menyelengggara, menyelia serta mewujudkan sebuah koleksi maklumat berupa bahan-bahan fotografi dan AV di Jabatan. Unit Perpustakaan pula satu pusat pengurusan rujukan dan maklumat berupa bahan-bahan monograf dan jurnal yang akan melibatkan perolehan, pendokumentasian dan perkhidmatan rujukan dan perujukan maklumat.

Bahagian Teknologi Maklumat pula bertanggungjawab melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi JMM berdasarkan polisi dan dasar yang telah dibangunkan. Aktiviti ini termasuklah pembangunan aplikasi baharu berdasarkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat dan keperluan pengguna,





penyelenggaraan aplikasi dalaman JMM, iaitu Helpdesk, Blog KP, laman web JMM, penyediaan infrastruktur ICT, khidmat sokongan ICT dan memastikan penggunaan aplikasi HRMIS berada pada tahap optimum.

Bahagian Pendaftaran berperanan mengumpul warisan harta kebudayaan, sejarah dan alam semula jadi negara dalam bentuk artifak, ekofak, spesimen dan dokumen-dokumen yang berkaitan serta mendokumentasi, memulihara dan menyimpankannya sebagai sumber rujukan dan penyebaran ilmu pengetahuan menerusi khidmat pinjaman artifak, rujukan dan pameran.

Pusat Konservasi Negara berperananuntuk memastikan bahan-bahan koleksi Jabatan Muzium Malaysia berada dalam keadaan baik dan terpelihara. Selain itu, Pusat Konservasi melaksanakan kerja-kerja penganalisisan, penyelidikan, rawatan dan pemeliharaan koleksi muzium bagi tujuan pameran, simpanan, pendidikan dan dokumentasi; menjalankan kerja-kerja pencegahan kerosakan dan membaik pulih artifak.






## PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

### PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

Sepanjang tahun 2011, Bahagian Pengurusan, Pembangunan dan Sumber Maklumat telah berjaya melaksanakan tugas dan aktiviti yang dipertanggungjawabkan selaras dengan keperluan terutamanya yang berkaitan dengan peningkatan sistem maklumat, sumber manusia, projek pembangunan, pengurusan kewangan dan pengurusan koleksi.

### PERJAWATAN

Jabatan Muzium Malaysia (JMM) mempunyai 443 jawatan daripada pelbagai lapisan gred dan skim perkhidmatan. Ringkasan perjawatan yang diisi pada tahun 2011 adalah seperti dalam jadual di bawah:

| Perjawatan yang Diisi | 2011 |
|---|---|
| Pengurusan Tertinggi | 2 |
| Kumpulan Pengurusan dan Profesional | 57 |
| Kumpulan Sokongan 1 | 245 |
| Kumpulan Sokongan 2 | 91 |
| **Jumlah Perjawatan** | **395** |



**Pengambilan Staf**

Bagi mengisi kekosongan jawatan, Unit Sumber Manusia Jabatan Muzium Malaysia bertanggungjawab dalam proses pengambilan staf bagi melaksanakan program dan aktiviti yang telah dirancang oleh pihak jabatan. Namun, tiada pengambilan staf baharu pada tahun 2011.

1. **Staf Kontrak dan Pekerja Sambilan Harian**
   Di samping mempunyai staf yang berkhidmat secara tetap, Jabatan Muzium Malaysia juga telah melantik individu yang mempunyai kepakaran dan bidang pengkhususan akademik yang didapati dapat menyumbang ke arah peningkatan kecemerlangan jabatan khususnya dan perkhidmatan awam amnya. Jabatan telah melantik mereka ini secara kontrak dan juga Pekerja Sambilan Harian (PSH). Sepanjang tahun 2011, seramai 13 orang pegawai lepasan Ijazah dan Diploma dilantik secara Pekerja Sambilan Harian (PSH) dan telah melantik seorang staf secara kontrak.

2. **Kenaikan Pangkat dan Pemangkuan**
   Sepanjang tahun 2011 ini, urusan kenaikan pangkat dan pemangkuan telah berjaya dilaksanakan seperti yang berikut:

| Kenaikan pangkat | 2011 |
|---|---|
| Kurator Gred S44 ke S48 | 3 |
| **Jumlah** | **3** |

| Pemangkuan | 2011 |
|---|---|
| Kurator Gred S48 ke S52 | 2 |
| **Jumlah** | **2** |




### 3. Persaraan

Tujuh orang pegawai dan staf Jabatan Muzium Malaysia yang telah bersara wajib ataupun bersara secara pilihan dengan kerajaan.

| Bil | Nama | Tarikh Persaraan | Jawatan Terakhir |
|---|---|---|---|
| 1 | Ahmad bin Mat Aroff | 8 Januari 2011 (wajib) | Pekerja Awam R1 |
| 2 | Yusof bin Ismail | 20 Mac 2011 | Pembantu Muzium S17 |
| 3 | Kamaruddin bin Zakaria | 28 Jun 2011 | Kurator S48 |
| 4 | Abdullah bin Che Din | 10 September 2011 | Pembantu Perpustakaan S17P |
| 5 | Mohamed Noor bin Ali | 28 Oktober 2011 | Pembantu Am Pejabat N4 |
| 6 | Hj. Zawawi bin Hj. Itam Osman | 1 November 2011 | Jusa C |
| 7 | Razali bin Pilus | 5 November 2011 | Pekerja Am R1 |

### 4. HRMIS Jabatan Muzium Malaysia

Pada tahun 2011, Jabatan Muzium Malaysia telah mendapat tempat kedua Anugerah Pencapaian KPI HRMIS 2011 di bawah kategori Jabatan/ Agensi KPKK. JMM telah dijadikan agensi perintis untuk modul tuntutan HRMIS. Pencapaian KPI HRMIS Jabatan Muzium Malaysia:

| Bil | Nama | Pencapaian |
|---|---|---|
| 1 | Profail Perkhidmatan | 100% |
| 2 | Rekod Peribadi | 99.96% |
| 3 | Data Perjawatan | 100% |
| 4 | Perisytiharan Harta | 100% |
| 5 | SKT/LNPT 2011 | 96.46% |



*Galeri C, Muzium Perak*

## 5. Pengurusan Aset JMM

Jumlah peruntukan yang diterima oleh Jabatan Muzium Malaysia (JMM) daripada Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia (KPKK) bagi tujuan perolehan aset di bawah OS 35000 untuk tahun 2011 berjumlah RM299,979.30. Berikut adalah pecahan pembelian aset:

| Bil | Nama | Harga |
|---|---|---|
| 1 | Papan Pameran | RM19,250.00 |
| 2 | Komputer (Dekstop) | RM44,246.00 |
| 3 | Perabot dan Peralatan Lain | RM73,780.30 |
| 4 | Kamera | RM75,000.00 |
| 5 | Peralatan Keselamatan | RM45,549.00 |
| 6 | Penyaman Udara (Cafe) | RM26,900.00 |
| | **Jumlah perbelanjaan** | **RM284,725.30** |

Antara bahagian/muzium/unit yang terlibat dalam pembelian aset bagi tahun 2011 ini ialah Bahagian Perkhidmatan Muzium, Bahagian Teknologi Maklumat, Unit Sumber Media, Bahagian Keselamatan, Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Harta, JMM Wilayah Labuan, Muzium Sungai Lembing dan Bahagian Pengurusan. Pembelian bagi perabot dan peralatan lain oleh Bahagian Pengurusan telah diagihkan kepada Bahagian Inovasi Muzium, Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Penyelidikan, JMM Wilayah Selatan, Muzium Seni Bina, Muzium Matang, Muzium Sungai Lembing, Unit Pentadbiran dan Unit Sumber Manusia.



1



2



3

## PENGIKTIRAFAN DAN ANUGERAH

1. **Sijil Penyertaan Pelaksanaan Inisiatif Rangkaian Bersepadu Kerajaan 1Gov*Net 2011**
   Bahagian Teknologi Maklumat JMM telah mendapat Sijil Penyertaan Pelaksanaan Inisiatif Rangkaian Bersepadu Kerajaan 1Gov*Net 2011 daripada MAMPU.

2. **Anugerah Pencapaian KPI HRMIS 2011 di Bawah Kategori Jabatan/Agensi KPKK**
   Jabatan Muzium Malaysia telah mendapat tempat kedua AnugerahPencapaian KPI HRMIS 2011 di bawah kategori Jabatan/Agensi KPKK.

3. **Tempat Ketiga Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) JMM**
   Kumpulan KIK JMM, Kumpulan Jemari Kreatif telah mendapat tempat ketiga dalam Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat KPKK Sempena Majlis Sambutan Hari Inovasi.



4



5

4. **Tempat Kedua Pengurusan Kewangan KPKK**
   Jabatan Muzium Malaysia telah mendapat tempat kedua bagi kategori Pengurusan Kewangan Terbaik Peringkat KPKK Sempena Majlis Sambutan Hari Inovasi.

5. **Anugerah Emas Pertandingan Anugerah Tandas Bersih 1Malaysia**
   Galeria Perdana telah mendapat Anugerah Emas bagi Kategori Kawasan Pelancongan Pertandingan Anugerah Tandas Bersih 1Malaysia anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

   **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang**
   Sepanjang tahun 2011, seramai 30 orang kakitangan JMM telah diberikankan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.

| Bil | Nama | Jawatan | Gred | Tempat Bertugas |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Samsol bin Sahar | Ketua Penolong Pengarah | S48 | Bahagian Pengurusan |
| 2 | Rosidah binti Abdullah | Kurator | S41 | Muzium Tekstil Negara |
| 3 | Kiew Yeng Meng | Kurator | S41 | Muzium Negara |
| 4 | Mohd Jamil bin Haron | Kurator | S41 | Unit Sukarelawan Muzium dan Pengacaraan |
| 5 | Hayati binti Mohamed Zawawi | Kurator | S41 | Bahagian Perkhidmatan Muzium |
| 6 | Saiful Bahari bin Mohd Sabtu | Peg. Tek. Maklumat | F41 | Bahagian Teknologi Maklumat |
| 7 | Normah binti Mohamed Ghazali | Penolong Kurator | S32 | Unit Sumber Manusia |
| 8 | Mohd Noorzairi bin Salleh | Penolong Kurator | S32 | Bahagian Perkhidmatan Muzium |
| 9 | Syahrizul Amin bin Ahmad | Penolong Kurator | S27 | Unit Latihan |
| 10 | Norshidah binti Mohd Mastura | Penolong Kurator | S27 | Muzium Alam Semulajadi |
| 11 | Kartina binti Abdul Khalid | Penolong Kurator | S27 | Muzium Tekstil Negara |
| 12 | Rozita binti Abu Hassan | Setiausaha Pejabat | N28 | Pejabat Timbalan Ketua Pengarah |
| 13 | Mohd Al-Hafiz bin Ahmad Kamal | Pen. Peg. Keselamatan | KP27 | Unit Keselamatan |
| 14 | Fitriayati binti Dollah | Penolong Akauntan | W27 | Unit Kewangan |
| 15 | Roseanida binti Abd Kadir | Pembantu Muzium | S22 | Bahagian Pendaftaran |
| 16 | Shafiee bin Sudin | Pembantu Muzium | S17 | Muzium Arkeologi Lembah Bujang |
| 17 | Yusop bin Abdullah | Pembantu Muzium | S17 | Muzium Kota Kayang |
| 18 | Zurina binti Hassan | Pembantu Muzium | S17 | Unit Kewangan |
| 19 | Sahrul Adli bin Mohd Yunan | Pembantu Muzium | S17 | Muzium Senibina |
| 20 | Hapizah binti Saaidin | Pembantu Muzium | S17 | Muzium Negara |
| 21 | Mohd Khairul Azhar bin Mustapa | Pembantu Muzium | S17 | Bahagian Komunikasi Korporat |
| 22 | Kalsom binti Abdul Manaf | Pembantu Muzium | S17 | Bahagian Penyelarasan dan Pemantauan |
| 23 | Rohmah binti Darus | Pem. Tadbir Kewangan | W17 | Galeria Perdana |
| 24 | Azmy bin Ahmad | Pereka | B17 | Bahagian Penyelidikan |
| 25 | Abdul Rahman bin Hassan | Pengawal Keselamatan | KP11 | Unit Keselamatan |
| 26 | Mohd Tajul Arus bin Mohd Nor | Ahli Fotografi | B11 | Unit Sumber Media |
| 27 | Zamri bin Mohd Zain | Tukang K2 (Elektrik) | R11 | Unit Pengurusan Harta |
| 28 | Saari bin Osman | Pekerja Awam | R4 | Muzium Arkeologi Lembah Bujang |
| 29 | Mohd Rizal bin Razali | Pembantu Am Pejabat | N1 | Unit Sukarelawan Muzium dan Pengacaraan |
| 30 | Norhisham bin Ahmad | Pembantu Am Pejabat | N1 | Unit Pembangunan |





*1. Kursus Penyediaan Panel Grafik dan Pameran pada 5 - 7 Disember 2011 yang dihadiri kakitangan JMM.*

*2. Kursus Asas Penyediaan Pameran yang diadakan pada 3 Mac 2011 di Bilik Persidangan JMM.*

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### Program Latihan JMM

Sepanjang tahun 2011, JMM telah menganjurkan 48 kursus jangka pendek dalam bidang fungsional (permuziuman, konservasi, koleksi, pameran, penyelidikan, penerbitan, pemasaran dan pendidikan) dan generik (teknologi maklumat, forum kurator, kewangan, keselamatan, motivasi dan keagamaan). Di samping itu, staf JMM juga diberikan peluang untuk mengikuti kursus/latihan/seminar anjuran pihak/jabatan luar bagi meningkatkan kompetensi setiap staf. Sepanjang tahun 2011 juga, sebanyak 220 kursus/latihan/seminar anjuran pihak/jabatan luar telah dihadiri oleh staf JMM.

Unit Latihan juga menyelaraskan penempatan bagi pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menjalani latihan praktikal di Jabatan Muzium Malaysia. Sepanjang tahun 2011, seramai 48 orang pelajar IPTA/IPTS telah menjalani latihan praktikal di JMM.

| Nama Universiti | | Bilik Pelajar Praktikal |
|---|---|---|
| 1 | Universiti Kebangsaan Malaysia | 16 orang |
| 2 | Univesiti Malaysia Kelantan | 10 orang |
| 3 | Universiti Teknologi Mara | 10 orang |
| 4 | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia | 4 orang |
| 5 | Universiti Malaysia Sarawak | 3 orang |
| 6 | Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor | 2 orang |
| 7 | Kolej Komuniti Grik | 1 orang |
| 8 | Politeknik Ungku Omar | 1 orang |
| 9 | Pusat Pembangunan Kemahiran Industri dan Pengurusan Kedah | 1 orang |
| | **Jumlah** | **48 orang** |

**Pendidikan Lanjutan**

Jabatan Muzium Malaysia sentiasa menggalakkan stafnya untuk terus menimba ilmu baik secara formal mahupun tidak formal. Justeru, atas galakan dan sokongan daripada Ketua Pengarah JMM sendiri maka ramai dalam kalangan kakitangan JMM yang sedang melanjutkan pelajaran secara Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) mahupun sepenuh masa. Berikut senarai nama staf yang melanjutkan pelajaran pada tahun 2011:

| | | Maklumat Pengajian | | |
|---|---|---|---|---|
| **Bil** | **Nama** | **Bidang** | **IPTA** | **Kaedah** |
| 1 | Roslelawati binti Abdullah @ Awang | Sarjana Sains Sosial (Sejarah) | UM | Sepenuh Masa |
| 2 | Noraini binti Basri | Sarjana Sastera (Antropologi/Sosiologi) | UM | Sepenuh Masa |
| 3 | Abdur Rahim bin Marzuki | Sarjana Muda Kemasyarakatan (Antropologi/Sosiologi) | USM | PJJ |
| 4 | Alice Jipius | Sarjana Sains Sosial (Sejarah) | UMS | PJJ |
| 5 | Azlina binti Yahya | Sarjana Muda Pengurusan Kepujian | OUM | PJJ |
| 6 | Hairunnisyam binti Md Jamil | Sarjana Muda Sains Komputer dan Pendidikan | UTM | PJJ |
| 7 | Mohd Fairuz bin Mohamed Kassim | Sarjana Muda Pengurusan Awam dengan Kepujian | UUM | PJJ |
| 8 | Mokhtar bin Tamby Ahmad | Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Antropologi/Sosiologi) | USM | PJJ |
| 9 | Noraini Osman | Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Antropologi/Sosiologi) | USM | PJJ |
| 10 | Mohammad Azhari bin Mohd Amir | Sarjana Muda Teknologi Maklumat | OUM | PJJ |
| 11 | Norizan binti Baharuddin | Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Antropolgi/Sosiologi) | USM | PJJ |
| 12 | Norhayati binti Ismail | Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Antropologi/Sosiologi) | USM | PJJ |
| 13 | Nur Selviyanti binti Jamril | Sarjana Muda Perakaunan (BAC) | UKM | PJJ |
| 14 | Peterson Augustine ak Augustin Jadan | Sarjana Muda Pengurusan Awam (Kepujian) | UUM | PJJ |

| Bil | Nama | Maklumat Pengajian | | |
|---|---|---|---|---|
| | | Bidang | IPTA | Kaedah |
| 15 | Ruhafizah binti Ab. Ghani | Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Antropologi/Sosiologi) | USM | PJJ |
| 16 | Zulia Maheda binti Mustaffa | Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Antropologi/Sosiologi) | USM | PJJ |
| 17 | Mohd Faudzi bin Sulaiman | Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan | USM | PJJ |
| 18 | Kadir Bashah bin A.M Haja Mohaideen | Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Antropologi/Sosiologi) | USM | PJJ |
| 19 | Norhaliza binti Harun | Sarjana Muda Komunikasi | UUM | PJJ |
| 20 | Shafinaz binti Ahmad Shaharir | Sarjana Muda Komunikasi Massa | UiTM | PJJ |
| 21 | Ahmad Izuddin bin Brahim | Sarjana Muda Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi | UiTM | PJJ |
| 22 | Nur Liyana binti Mohd Tahir | Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Antropologi/Sosiologi) | USM | PJJ |
| 23 | Mohd Izwan bin Badrudin | Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Antropologi/Sosiologi) | USM | PJJ |
| 24 | Norhidayah binti Ramely | Sarjana Muda Komunikasi | UPM | PJJ |
| 25 | Osman bin Abu Hassan | Sarjana Muda Sastera | USM | PJJ |
| 26 | Maisaraf binti Marman | Sarjana Sastera Seni Lukis dan Seni Reka | UiTM | PJJ |

**PJJ: Pendidikan Jarak Jauh*

## PROGRAM PEMBANGUNAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Beberapa projek ICT telah dijalankan di JMM sepanjang tahun 2011 mengikut klasifikasi, iaitu: melaksanakan perolehan perkakasan dan perisian; menguruskan rangkaian; mengurus perkhidmatan Internet dan e-mel; menyokong keperluan perkakasan dan perisian, termasuk khidmat kepakaran dan runding cara; membangun dan menyelenggara sistem aplikasi dan menguruskan laman web dan mengurus keselamatan teknologi maklumat.

| Bil | Nama | Pencapaian |
|---|---|---|
| 1 | Perkhidmatan Servis dan Penyelenggaraan Sistem Kedatangan Biometrik JMM | Januari – Disember 2011 |
| 2 | Perkhidmatan Pembaikan Kerosakan dan Penggantian Perkakasan *Server Apple Xserve, Dell Tower, Snap Server* dan *Macbook Pro* | Januari 2011 |
| 3 | Perkhidmatan Penyelenggaraan Sistem Tiket Muzium Negara dan Pameran Khas | Januari 2011 |
| 4 | Perkhidmatan Penyelenggaraan tahunan Lesen ABBYY *Recognition Server* | Januari 2011 |
| 5 | Perkhidmatan Penyelenggaraan lesen Perisian Pengkalan data *MS SQL Server* dan *MS Visio* bagi kegunaan pembangunan dan operasi sistem aplikasi JMM | Januari 2011 |
| 6 | Perkhidmatan sewaan peralatan Sistem Tiket Galeria Perdana | Januari 2011 |
| 7 | Perkhidmatan Peningkatan, Pemasangan dan Pentauliahan Perkakasan dan Perisian Emel JMM | Februari 2011 |
| 8 | Perkhidmatan Talian Suwa (*Leased Line*) JMM Ibu Pejabat JMM | 1 Januari – 31 Mac 2011 |
| 9 | Perkhidmatan Penyelenggaraan dan Sokongan Teknikal Sistem Pengurusan Kandungan Laman Web JMM | Februari 2011 |
| 10 | Perkhidmatan Lesen Perisian *Office Standard 2010 Single OLP NL Academic* | Februari 2011 |
| 11 | Perkhidmatan pakej sewaan peralatan sistem tiket Galeria Perdana | April 2011 |
| 12 | Perkhidmatan membaiki kerosakan alat pengimbas kedatangan MSKOA | April 2011 |
| 13 | Perkhidmatan *hosting video online* bagi laman web rasmi JMM | April 2011 |
| 14 | Perkhidmatan kemudahan IPSEC *Virtual Private Network* (VPN) dan Wifi di Galeria Perdana | April 2011 |

| Bil | Nama | Pencapaian |
|---|---|---|
| 15 | Menaik taraf Komputer Pelayan Arkeia *Network Backup* dan Kos Storan *Virtual Tape Library* (VTL) | Mei 2011 |
| 16 | Perkhidmatan Penyelenggaraan Pengkalan Data dan Media Universe Sistem Keratan Akhbar JMM | Mei 2011 |
| 17 | Perkhidmatan Menaiktaraf Access Switch 48 port ke Gigabit Ethernet | Mei 2011 |
| 18 | Perkhidmatan Sewaan Pencetak dan IPAD2 Untuk Kegunaan Unit Kewangan dan *Mobile Executive Meeting* JMM | Mei 2011 |
| 19 | Penyelenggaraan Perkakasan ICT Merangkumi 15 Buah CPU, 2 Buah Laptop dan 2 Buah Monitor Flat untuk Kegunaan JMM | Mei 2011 |
| 20 | Perkhidmatan Perolehan Perkakasan Rangkaian dan Bilik Server | Jun 2011 |
| 21 | Perkhidmatan Kemudahan IPSec *Virtual Private Network* (VPN) dan WiFi di Galeria Perdana | Mula: 21/4/2011<br>Siap: 7/7/2011 |
| 22 | Perkhidmatan Menaiktaraf *Access Switch* daripada 48 *Port Fast Ethernet* ke Gigabit Ethernet di Datacenter JMM | Mula: 1/6/2011<br>Siap: 19/7/2011 |
| 23 | Perkhidmatan Penyelenggaraan dan Sokongan Teknikal Laman Web Jabatan Muzium Malaysia | Mula: 31/3/2011<br>Siap: 11/7/2011 |
| 24 | Perkhidmatan Penyelenggaraan dan Peningkatan Rangkaian Setempat (LAN) di Galeria Perdana | Mula: 10/5/2011<br>Siap: 27/7/2011 |
| 25 | Perkhidmatan Penyelenggaraan dan Peningkatan *Virtual Tape Library Storage* Sistem Arkeia Enterprise *Backup Solution* dan Penggantian Aksesori *Solution* dan Penggantian Aksesori Bagi Kegunaan Operasi Teknikal, Salinan Data Aplikasi dan Emel JMM | Mula: 3/8/2011<br>Siap: 22/8/2011 |
| 26 | Perkhidmatan Avira Antivirus *Onsite Installation* dan *Configuration* di Wilayah Labuan JMM | Mula: 3/8/2011<br>Siap: 22/8/2011 |

## KESELAMATAN

Sepanjang tahun 2011, Unit Keselamatan JMM telah diberikan kepercayaan menjadi urus setia Jawatankuasa Keselamatan, Lalulintas, Kawalan Orang Ramai, Kecemasan dan Perubatan bagi majlis-majlis rasmi anjuran Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Majlis-majlis tersebut adalah:

| Bil | Majlis/program | Tarikh | Tempat | Tetamu Kehormat |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Majlis Kibaran Jalur Gemilang | 27 Julai 2011 | KL Sentral | YAB Perdana Menteri Malaysia dan Anggota Kabinet |
| 2 | Majlis Rumah Terbuka Malaysia Deepavali 2011 | 10 November 2011 | Sekolah Menengah (K) Kg. Jawa, Klang | YAB Perdana Menteri Malaysia dan Isteri |
| 3 | Majlis Rumah Terbuka Malaysia Aidilfitri 2011 | 11 September 2011 | Padang Sekolah Menengah Guar Perahu, Pulau Pinang | YAB Perdana Menteri Malaysia dan Isteri |
| 4 | Majlis Rumah Terbuka Malaysia Krismas 2011 | 26 Disember 2011 (Isnin) | Sekolah Menengah (K) Tinggi Kajang, Selangor | YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Isteri |

## SUMBER MAKLUMAT

### Sumber Media

Pada tahun 2011, Unit Sumber Media telah memperolehi lapan unit kamera DSLR Nikon D7000 untuk diagihkan kepada muzium-muzium dan bahagian-bahagian. Pada sepanjang tahun 2011, Unit Sumber Media JMM telah menjalankan tugas-tugas pendigitan 8 548 keping gambar.

| Bil | Kategori | Jumlah Gambar |
|---|---|---|
| 1 | Etnologi | 5 463 keping |
| 2 | Monumen | 2 809 keping |
| 3 | Sejarah | 276 keping |
| | **Jumlah besar** | **8 548 keping** |

*Jadual 1: Jumlah gambar yang telah diimbas mengikut kategori bagi tahun 2011*

**Perpustakaan**

Pada tahun 2011, Unit Perpustakaan Jabatan Muzium Malaysia telah membuat pembelian sebanyak 845 naskhah monograf yang bernilai RM112,431.11. Ini menjadikan jumlah keseluruhan koleksi monograf JMM berjumlah 21 487 naskhah. Manakala, hadiah dan pertukaran monograf bagi tahun 2011 ialah 153 naskhah. Unit Perpustakaan turut menjalankan pengumpulan dan pendokumentasian keratan akhbar yang berkaitan dengan program dan aktiviti Jabatan Muzium Malaysia yang melibatkan 259 keratan akhbar yang dimuatnaikkan ke Pangkalan Data Akhbar JMM.

| Nama Akhbar | Jumlah Keratan |
|---|---|
| Utusan Malaysia | 53 |
| Berita Harian | 34 |
| Tamil Nesan | 3 |
| Makkal Osai | - |
| Sinar | 25 |
| Kosmo | 35 |
| Harian Metro | 19 |
| The Star | 17 |
| New Straits Time | 50 |
| Malay Mail | 4 |
| Nanyang Siang Pau | - |
| Oriental Daily | - |
| Shin Chiew Daily | - |
| Bahan Rujukan lain | 19 |
| **Jumlah** | **256** |

Sepanjang tahun 2011, jumlah pengunjung ke Perpustakaan Jabatan JMM adalah seramai 3 019 orang.




Penjualan buku telah diadakan dalam seminar, forum dan bengkel anjuran Jabatan Muzium Malaysia. Manakala jualan luar turut giat dijalankan dari masa ke masa contohnya pada Pesta Buku Antarabangsa 2011, Forum Kurator 2011 dan sepanjang berlansungnya Festival Orang Asli dan Hari Muzium Antarabangsa 2011. Pada tahun 2011, penjualan terbitan Jabatan Muzium Malaysia berjumlah RM7,100.00. Strategi pemasaran yang meluas dan penerbitan terbaharu turut menyumbang meningkatkan penjualan buku.

| Bulan | Staff Jabatan Muzium Malaysia (orang) | Pelawat dari Luar (orang) |
|---|---|---|
| Januari | 260 | 58 |
| Februari | 157 | 28 |
| Mac | 299 | 52 |
| April | 239 | 8 |
| Mei | 236 | 33 |
| Jun | 271 | 14 |
| Julai | 264 | 23 |
| Ogos | 176 | 9 |
| September | 228 | 11 |
| Oktober | 200 | 11 |
| November | 215 | 20 |
| Disember | 198 | 11 |
| **Jumlah** | **2 743** | **276** |



# PROGRAM PAMERAN

# PROGRAM PAMERAN

## PROFIL

Peranan untuk merancang, menggerak dan melaksanakan program pameran di Jabatan Muzium Malaysia adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Perkhidmatan Muzium. Bahagian ini juga berperanan memberikan khidmat nasihat kepakaran dan perundingan kepada muzium-muzium negeri, agensi-agensi kerajaan dan swasta serta institusi pengajian tinggi dalam pengurusan, penubuhan dan pameran muzium serta merangka dan melaksanakan perkhidmatan pengisian pameran muzium-muzium baru jabatan dan kerja-kerja ubah suai naik taraf. Pameran terdiri daripada Pameran Tetap, Pameran Sementara, Pameran Khas dan Pameran Bergerak (pengembangan sejarah, budaya, warisan dan alam semula jadi).

## PENCAPAIAN

Sepanjang tahun 2011, Jabatan Muzium Malaysia telah berjaya mengadakan 11 pameran sementara dan 10 pameran bergerak.



1


2



3


4

## PAMERAN SEMENTARA

*1. Pelajar sekolah turut sama meraikan kejayaan skuad bola sepak negara semasa majlis pelancaran pameran.*

*2. Piala Pusingan AFF 2010 dan Medal Kejohanan Piala AFF Suzuki yang menjadi kebanggaan rakyat Malaysia.*

*3. Pandangan galeri pameran secara keseluruhan.*

*4. Sidang media sempena pameran Piala Suzuki AFF 2010 "Kita Juara" yang berlangsung di Muzium Negara selama sebulan.*

### Pameran Piala Suzuki AFF 2010 'Kita Juara'

Pameran Bola Sepak Piala Suzuki 2010 diadakan sebagai tanda pengiktirafan terhadap kejayaan yang ditunggu-tunggu seluruh rakyat Malaysia selama 14 tahun. Pameran ini telah diadakan pada 29 Januari - 28 Februari 2011 di Galeri Tengah, Muzium Negara.

Tujuan utama pameran diadakan adalah untuk menyemarakkan lagi semangat pasukan bola sepak dan atlet lain untuk lebih berjaya pada masa akan datang. Antara bahan pameran termasuklah keratan akhbar, koleksi gambar pemain bola sepak yang telah beraksi pada Piala Suzuki 2010 dan tayangan video perlawanan yang melibatkan pasukan Harimau Malaya. Selain mempamerkan Piala Suzuki AFF, pameran ini turut menayangkan gambar-gambar sekitar perlawanan separuh akhir, perlawanan akhir, sejarah Piala Tiger/Suzuki, pemenang-pemenang Piala Tiger/ Suzuki dan gambar-gambar penyokong setia Pasukan Harimau Malaya. Melalui pameran ini pengunjung juga dapat mengetahui tentang sejarah dan kronologi pasukan bola sepak tanah air dalam usaha mencipta kejayaan yang paling bermakna itu.


1



2

## Pameran Orang Asli Tradisi & Kepercayaan

Pameran Orang Asli: Tradisi dan Kepercayaan telah diadakan pada 20 April - 20 Jun 2011. Pameran ini memaparkan sudut kepercayaan dan tradisi Orang Asli dengan memfokuskan kepada hal-hal yang berkaitan dengan roh dan semangat sebagai asas kepercayaan. Bertitik-tolak daripada kepercayaan animisme, kini masyarakat Orang Asli sedang mengalami dinamisme selari dengan wawasan dan aspirasi negara menuju sebuah negara maju dan moden. Justeru, Orang Asli juga sedang menuju ke arah kemajuan dalam pelbagai aspek kehidupan. Di sebalik penerimaan arus pemodenan, Orang Asli bagaimanapun masih tetap teguh memelihara warisan dan terus kental mempertahankan tradisi nenek moyang mereka.

1. *Pameran turut merangkumi aspek sistem perkahwinan masyarakat Orang Asli.*
2. *Pameran Orang Asli: Tradisi dan Kepercayaan bertempat di Galeri 3, JMM.*
3. *Sidang media sempena pameran Orang Asli: Tradisi dan Kepercayaan.*



3



Pandangan ruang pameran Ukiran Batuan Menarik secara keseluruhan.

**Pameran Ukiran Batuan Menarik**

Arca, ukiran merupakan produk seni yang boleh dinikmati melalui sentuhan dan bersifat 3D. Keindahan nilai estetik ukiran batu tersebut bukan setakat dilihat tetapi ia perlu difahami maksudnya dengan mengetahui teknik pembuatannya, pembuatnya, fungsi, rujukan, idea dan sebagainya yang seterusnya mencetuskan apresiasi seni. Pameran yang berlangsung dari 1 hingga 31 Julai 2011 di Galeri Tengah Muzium Negara ini mempamerkan himpunan beberapa ukiran batuan menarik yang dikumpulkan dari luar negara. Koleksi yang dipamerkan berbentuk muka manusia, binatang dan abstrak yang diperbuat daripada mamar, batu volkanik, azurit dan gipsum serta beberapa batuan lain adalah koleksi tetap Galeria Perdana.




1

2



3



4



**Pameran Foto Alam**

Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah menganjurkan Pameran Foto Alam 2011 bertempat di Muzium Alam Semula Jadi, Presint 15, Putrajaya mulai 14 Jun 2011 hingga 18 September 2011. Majlis Perasmian Foto Alam ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Seri Kamaruddin bin Siaraf, Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia pada 14 Jun 2011.

**Pameran Busana Perkahwinan Mutiara**

Pameran Busana Perkahwinan Mutiara yang diadakan pada 26 November hingga 12 Disember 2011 merupakan anjuran jenama perhiasan mutiara terkenal, Rafflesia dengan kerjasama Jabatan Muzium Malaysia. Majlis perasmian pameran telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM. Turut hadir ialah YBhg. Prof. Datuk Jimmy Choo dan pengasas jenama Rafflesia, Winnie Sin dan suaminya. Selebriti yang hadir pada majlis tersebut ialah Tasya Sheila, Izara Aisyah, Fara Liyana Idris, Bkay Nair, Amber Chia dan Memey. Pameran ini secara tidak langsung memberikan peluang kepada orang ramai menyaksikan lebih dekat keindahan hiasan mutiara Rafflesia yang telah mereka hasilkan untuk selebriti kesayangan mereka. Antara tarikan utama pameran ialah gaun pengantin berhias mutiara dan permata yang pernah diperagakan oleh beberapa artis terkenal tempatan.

1. *Majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan Ketua Setiausaha KPKK, YBhg. Dato' Seri Kamaruddin bin Siaraf dan Ketua Pengarah JMM, YBhg Dato' Ibrahim bin Ismail.*

2. *YBhg. Dato' Seri Kamaruddin bin Siaraf, Ketua Setiausaha KPKK sedang memberikan ucapan perasmian.*

3. *Suasana di sekitar Pameran Busana Perkahwinan Mutiara.*

4. *Set eksklusif rantai, cincin, subang dan kasut mutiara Rafflesia.*



1




2



3



4

1. *YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail ketika sidang media pameran Keajaiban Khazanah Kapal Karam di Galeri 2, Muzium Negara, Kuala Lumpur.*

2. *Replika kapal karam yang menjadi tarikan sampingan pameran Khazanah Kapal Karam.*

3. *Antara seramik daripada kapal karam yang dipamerkan.*

4. *Kerja-kerja peragaan artifak.*

**Pameran Khazanah Kapal Karam**

JMM telah mengadakan Pameran Khazanah Kapal Karam di Muzium Negara pada 15 Ogos 2011 hingga 31 Januari 2012. Pameran bertajuk "Khazanah Kapal Karam" ini menyingkap penemuan artifak 13 buah kapal karam yang ditemukan di sepanjang perairan Malaysia. Sebanyak 204 artifak daripada 13 kapal karam yang ditemui dipamerkan. Tujuan pameran ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan ilmu kepada orang ramai mengenai sejarah silam termasuk yang pernah berlaku di perairan Malaysia. Orang ramai dapat melihat sendiri keajaiban artifak menerusi barang-barang yang ditemukan di dasar laut. Selain artifak, barang-barang penghantaran perkahwinan yang kekal dalam bentuknya walaupun berada di dasar laut selama ratusan tahun juga dipamerkan. Sebagai nilai tambah, terdapat replika kapal karam dan sauh di luar galeri pameran.




**Pameran Spesies Marin Beracun**

Pameran Spesies Marin Beracun telah diadakan bermula dari 15 Ogos 2011 hingga 15 Oktober 2011 di Muzium Marin Labuan. Pameran ini menyingkap hidupan beracun di lautan yang jarang-jarang sekali didedahkan kepada umum. Pameran disokong dengan panel informasi dan spesimen haiwan terbabit. Tujuan pameran ini adalah untuk memperkenalkan kepada umum tentang haiwan yang beracun di dalam laut. Antaranya anemone, ular laut, ikan depu dan juga obor-obor. Orang ramai dapat melihat sendiri keajaiban hidupan laut tersebut menerusi spesimen hidupan terpilih yang dipamerkan.

*Poster hebahan mengenai pameran Spesis Marin Beracun di Muzium Labuan.*

**Pameran Ikat Keramat: Dari Pusaka ke Perdagangan**

Bertempat di Galeri Saindera Muzium Tekstil Negara, JMM telah mengadakan Pameran Ikat Keramat: Daripada Pusaka ke Perdagangan mulai pada 15 September 2011 hingga 23 Oktober 2011.



*Pelawat sedang melihat cara-cara menghasilkan pua kumbu.*

**Pameran Memoir Chimney**

Pameran Memoir Chimney ini memfokuskan kepada rentetan sejarah Menara Chimney dari zaman awal penubuhannya hingga hari ini. Pameran ini diadakan pada 31 Oktober 2011 - 30 November 2011 di Muzium Chimney, Labuan. Objektif pameran ini diadakan untuk menghayati sejarah Chimney pada zaman lampau, menghargai jasa dan usaha individu yang bertanggungjawab memulihara Menara Chimney sehingga menjadi sebuah ikon Wilayah Persekutuan Labuan dan menjadikan Menara Chimney sebagai satu destinasi pelancongan yang utama di Wilayah Persekutuan Labuan.




*Poster hebahan mengenai pameran Memoir Chimney.*



**Pameran Hari Inovasi KPKK**

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) telah menganjurkan Sambutan Hari Inovasi 2011 pada 24 november 2011 di Auditorium Jabatan Muzium Malaysia. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri KPKK. Pelbagai pameran menarik berasaskan kualiti dan inovasi dipamerkan sepanjang minggu sambutan hari inovasi kementerian yang berlangsung selama tiga hari, mulai 22 hingga 24 November 2011 dari jam 8 pagi hingga 5 petang di Dataran Muzium Negara. Selain jabatan dan agensi di bawah KPKK, Telekom Malaysia, Pos Malaysia serta syarikat telekomunikasi seperti Digi, Maxis dan Celcom turut serta mengambil bahagian dalam aktiviti pameran ini. Pameran bersempena dengan Sambutan Hari Inovasi 2011 peringkat KPKK ini bertujuan memperkenalkan kaedah, sistem yang baharu untuk kebaikan dan kemajuan organisasi menggunakan kebolehan kreativiti. Setiap kumpulan yang bertanding diwajibkan untuk membuat pembentangan dalam satu sesi pembentangan yang berlainan dan juga terlibat dalam aktiviti pameran yang dianjurkan.

*Persembahan tarian kebudayaan tradisional menyerikan lagi aktiviti pameran sambutan Hari Inovasi peringkat KPKK.*












1. *Tarikan utama pameran spesimen kepala buaya.*

2. *Pameran Misteri Sang Buaya.*

3. *Suasana di sekitar Pameran Misteri Sang Buaya.*

4. *Kakitangan JMM mengangkat replika buaya untuk dipamerkan dalam galeri.*

**Pameran Misteri Sang Buaya**

JMM telah mengadakan Pameran Misteri Sang Buaya di Muzium Alam Semula Jadi pada 26 November 2011 hingga 31 Januari 2012. Skop pameran merangkumi sejarah awal kewujudan buaya yang terdapat di Malaysia, kitaran hidup buaya dan sifat semula jadinya. Turut meliputi sejarah reptilia itu ialah aspek perlindungan dan pemuliharaan, konflik antara buaya dan manusia serta keunikannya yang mempengaruhi kehidupan manusia.Tarikan utama pameran ialah replika buaya Puchong sepanjang 5.6 meter, selain replika Bujang Semarahan dan kisah legenda buaya Bujang Senang. Objektif utama pameran adalah untuk memberikan pendidikan dan pembelajaran kepada masyarakat umum berkenaan spesies buaya di Malaysia, di samping mengenali sejarah semula jadi reptilia tersebut yang telah wujud sejak zaman prasejarah.




## PAMERAN TETAP

Pameran tetap ialah pameran yang diadakan di 21 buah muzium-muzium Persekutuan di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Malaysia. Jangka masa pameran ini berterusan, namun akan diganti setelah dipamerkan untuk tempoh masa yang agak lama. Proses menaik taraf muzium biasanya dilakukan agar maklumat berkaitan koleksi dapat dipelbagaikan dan diperbaharui sesuai dengan peredaran masa. Pada tahun 2011, pameran tetap di Muzium Perak, Muzium Labuan, Muzium Sungai Lembing, Galeria Perdana dan Muzum Seni Bina telah dinaik taraf di bawah program Pembangunan Rancangan Malaysia ke-10.

## PAMERAN BERGERAK

Di samping pameran sementara, Bahagian Perkhidmatan Muzium juga turut menjalankan Pameran Bergerak di beberapa institusi terpilih antaranya:

| Bil | Pameran | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 1 | Pameran Blau dan Belian | 4 - 5 April 2012 | Universiti Malaysia Kelantan (UMK) |
| 2 | Pameran Galeri Sejarah | 16 April 2012 | SMK Sri Pantai, Kerinchi |
| 3 | Pameran Perak Man | 20 April 2012 | Kepura Cave, The Lost World of Tambun, Perak |
| 4 | Pameran Merentasi Samudera Sempena Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2011 | 19 - 22 Mei 2011 | Muzium Negeri Sembilan |
| 5 | Pameran Muzium dan Kerjaya | 7 - 9 Julai 2011 | Universiti Teknologi Mara Jengka, Pahang |
| 6 | Pameran Petrosains | Ogos 2011 | Petrosains, Suria KLCC |
| 7 | Pameran Muzium dan Kerjaya Sempena Program Merakyatkan Seni | 28 - 29 September 2011 | Batu Gajah, Perak |
| 8 | Pameran Merentasi Samudera | 12 November 2011 | Lobi Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya |
| 9 | Pameran Muzium dan Kerjaya | 26 - 27 November 2011 | Muzium Kota Kayang, Perlis |
| 10 | Pameran Alat Muzik Tradisional Masyarakat Malaysia | 31 Disember 2011 | Dataran Merdeka |



# PENGURUSAN KOLEKSI

# PENGURUSAN KOLEKSI

## PROFIL

Pengurusan koleksi terletak di bawah portfolio Bahagian Pendaftaran. Pengurusan koleksi merupakan salah satu fungsi JMM untuk mengumpul warisan harta kebudayaan, sejarah dan alam semula jadi dalam bentuk artifak, ekofak, spesimen dan dokumen-dokumen yang berkaitan serta mendokumentasi, memulihara dan menyimpannya sebagai sumber rujukan dan penyebaran ilmu pengetahuan menerusi khidmat pinjaman artifak, rujukan dan pameran. Berikut ialah fungsi Bahagian Pendaftaran, Jabatan Muzium Malaysia:

1. Mendaftarkan semua koleksi artifak Jabatan mengikut penjenisan yang ditetapkan secara manual atau berkomputer.
2. Menyediakan satu sistem maklumat semua artifak yang mudah dan lengkap.
3. Menguruskan semua koleksi dari segi penyimpanan, pemuliharaan dan keselamatan.
4. Menguruskan pinjaman koleksi bagi tujuan aktiviti pengembangan dan pendidikan.

*1. Penyusunan dan pengkelasan koleksi emas.*

*2. Kerja-kerja penyemakan koleksi Muzium Lukut di galeri pameran.*





## PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Pada tahun 2011, Bahagian Pendaftaran telah membuat perolehan secara pembelian sebanyak 447 koleksi dan tujuh koleksi diperoleh secara hadiah. Pembelian koleksi dibiayai di bawah Program Perolehan Koleksi Artifak Muzium, Rancangan Malaysia ke-10. Proses penilaian, pemilihan dan perakuan pembelian koleksi artifak muzium dilaksanakan dalam tiga fasa mesyuarat.

I. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pembelian Harta Kebudayaan JMM yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman).
II. Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pembelian Harta Kebudayaan JMM yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JMM.
III. Lembaga Perolehan KPKK yang dipengerusikan oleh KSU KPKK.

Jumlah semua koleksi secara keseluruhan Jabatan Muzium Malaysia adalah sebanyak 415 855 koleksi. Koleksi yang diperoleh ialah koleksi Etnologi, dan spesimen Muzium Alam Semula Jadi. Berikut, senarai jumlah koleksi Jabatan Muzium Malaysia mengikut klasifikasi iaitu Etnologi, Spesimen Alam Semula Jadi serta Arkeologi yang telah didaftarkan mulai tahun 1963 hingga 2011:




1. *Baju Perisai Perang.*
2. *Kain Songket.*
3. *Jebak Puyuh.*
4. *Kukur Kelapa.*




**Koleksi Etnologi Jabatan Muzium Malaysia mengikut Klasifikasi**

| Bil | Jenis | Jumlah (1963-2010) | 2011 | Jumlah Keseluruhan |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Pakaian dan Tekstil | 3 482 | 120 | 6 025 |
| 2 | Perhiasan Diri | 2 423 | | |
| 3 | Alat dan Perusahaan | 9 460 | 204 | 9 664 |
| 4 | Peralatan Berkaitan Api (Alat untuk penghasilan api) | 386 | - | 386 |
| 5 | Rumah (Komponen rumah, rumah yang dipindah semula, gambar, model dan pelan rumah) | 49 | - | 49 |
| 6 | Alat bunyi-bunyian (Alat Muzik) | 977 | 25 | 1 002 |
| 7 | Artifak berkaitan Senjata dan Alat Peperangan | 2 523 | 37 | 2 560 |
| 8 | Artifak berkaitan Agama | 256 | 1<br>7 (hadiah) | 264 |
| 9 | Artifak berkaitan Perubatan dan Sihir | 121 | 2 | 123 |
| 10 | Artifak berkaitan Pertanian | 217 | 1 | 218 |
| 11 | Artifak berkaitan Permainan dan Hiburan | 287 | 7 | 294 |
| 12 | Artifak berkaitan Ternakan | 28 | - | 28 |
| 13 | Topeng | 227 | 11 | 238 |
| 14 | Wayang Kulit | 2 914 | - | 2 914 |
| 15 | Matawang | 507 | - | 507 |
| 16 | Artifak berkaitan Pengangkutan | 99 | 1 | 100 |
| 17 | Setem dan Sampul Surat | 948 | - | 948 |
| 18 | Koleksi lain | 2 223 | - | 2 223 |
| 19 | Spesimen | | 28 | 28 |
| 20 | Perangkap binatang | | 10 | 10 |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **27 127** | **454** | **27 581** |



*1. Rebab.*
*2. Cucuk Sanggol.*

**Koleksi Spesimen Muzium Alam Semula Jadi Jabatan Muzium Malaysia**

Jumlah keseluruhan spesimen Muzium Alam Semula Jadi ialah 65 643.



*1. Spesimen Kucing Batu.*
*2. Spesimen Ikan Yu Belang.*

**Koleksi Arkeologi Jabatan Muzium Malaysia***

| Bil | Jenis | Jumlah (1963-2011) |
|---|---|---|
| 1 | Seramik | 163 850 |
| 2 | Sisa-sisa makanan | 45 500 |
| 3 | Alat-alat logam | 1 500 |
| 4 | Alat-alat kayu | 100 |
| 5 | *Votive Table* | 5 000 |
| 6 | Contoh Arang | 500 |
| 7 | Alat-alat Batu Neolitik | 2 321 |
| 8 | Alat-alat Paleolitik | 8 000 |
| 9 | Alat-alat batu kebudayaan Hoabinhian | 49 100 |
| 10 | Haematit | 560 |
| 11 | *Burnt Clay* | 700 |
| 12 | Manik | 45 000 |
| 13 | Arca Batu | 500 |
| | **Jumlah** | **322 631** |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **415 855** |

1. *Tulang Mawas.*
2. *Tembikar Tanah.*


1


2



# PERKHIDMATAN KONSERVASI




# PERKHIDMATAN KONSERVASI

## PROFAIL

Pusat Konservasi Jabatan Muzium Malaysia berperanan melaksanakan kerja-kerja penganalisisan, penyelidikan, rawatan dan pemeliharaan koleksi muzium bagi tujuan pameran, simpanan, pendidikan dan dokumentasi. Pusat Konservasi juga bertanggungjawab memastikan bahan-bahan koleksi Jabatan Muzium Malaysia berada dalam keadaan baik dan terpelihara. Matlamat ini direalisasikan melalui kerja-kerja penyelidikan dan konservasi artifak.

Selain itu, fungsi Pusat Konservasi ialah menjalankan kerja-kerja pencegahan kerosakan dan membaikpulih artifak, memantau sistem kawalan suhu, kelembapan, pencahayaan dan makluk perosak yang terdapat di dalam stor koleksi dan galeri-galeri muzium dan memberikan latihan dan khidmat nasihat mengenai konservasi kepada kakitangan dan agensi berkaitan.





**JENIS KONSERVASI**

**Bahan organik**
Bahan organik ialah bahan yang berasaskan karbon dan sumbernya ialah daripada tumbuhan dan haiwan. Bahan organik mudah menyusut dan dirosakkan oleh serangan egen perosak. Contoh bahan organik ialah rotan, buluh, kayu bulu dan kulit.

**Bahan Bukan Organik**
Bahan bukan organik ialah bahan yang terdiri daripada campuran mineral dan tidak terbentuk hasil daripada pertumbuhan semula jadi organisma hidup. Contoh bahan bukan organik ialah logam dan batu.

**KATEGORI KONSERVASI**

**Konservasi Preventif**
Tindakan yang dilakukan bagi menghalang pelapukan semula jadi objek akibat keadaan persekitaran seperti suhu, kelembapan, cahaya dan juga perosak seperti serangga, fungus dan pencemaran udara.

**Konservasi Kuratif**
Konservasi kuratif ialah tindakan yang diambil untuk merawat objek yang mengalami proses deteriorasi. Tindakan yang diambil ialah bertujuan menghentikan atau merencat proses deteriorasi terhadap objek tersebut.

**Restorasi**
Prosedur rawatan yang dilakukan dengan tujuan mengembalikan barangan kebudayaan kepada keadaan yang sediakala dengan menggunakan bahan yang hampir sama dengan bahan asal.

## PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Pusat Konservasi telah menerima pelbagai artifak koleksi jabatan untuk dikonservasi. Mengikut rekod sepanjang tahun 2011 sebanyak 872 artifak telah siap dan selesai dikonservasi mengikut kategori organik dan bukan organik. Berikut adalah pembahagian koleksi mengikut kategori unit/muzium dan organik/bukan organik yang telah dibuat proses konservasi:

| Bil | Unit / Muzium | Jan | | Feb | | Mac | | Apr | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | O | B.O | O | B.O | O | B.O | O | B.O |
| 1 | Pendaftaran | 6 | - | - | - | - | - | 23 | 17 |
| 2 | Muzium Tekstil | - | - | - | - | - | - | 1 | - |
| 3 | Muzium Negara | - | - | - | - | - | 7 | 1 | - |
| 4 | Muzium Seni Kraf Orang Asli | 98 | - | - | - | - | - | - | - |
| 5 | Arkib - Memorial Tunku Abdul Rahman | - | - | - | - | 6 | 1 | - | - |
| 6 | Muzium Matang | - | - | - | - | - | - | - | - |
| 7 | Muzium Sungai Lembing | - | - | - | - | - | - | - | - |
| 8 | Muzium Kota Kayang | - | - | - | - | - | - | - | - |
| 9 | Muzium Senibina | - | - | - | - | - | - | - | - |
| **Jumlah O / B.O** | | **104** | **0** | **0** | **0** | **6** | **8** | **25** | **17** |
| **Jumlah Bulanan** | | **104** | | **0** | | **14** | | **42** | |
| **Jumlah Tahunan** | | | | | | | | | |

1


2



*1-2. Kerja-kerja pembersihan dan pemuliharaan artifak koleksi Muzium Seni Kraf Orang Asli yang telah dilaksanakan oleh kakitangan Pusat Konservasi pada 4-5 Januari 2011.*

*3. Lawatan Akademik Pelajar dari Universiti Malaysia Kelantan pada 10 Februari 2011. Kurator Pusat Konservasi telah memberikan penerangan berkaitan Pusat Konservasi dan demonstrasi.*

| Mei | | Jun | | July | | Aug | | Sep | | Oct | | Nov | | Dec | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **0** | **B.0** | **0** | **B.0** | **0** | **B.0** | **0** | **B.0** | **0** | **B.0** | **0** | **B.0** | **0** | **B.0** | **0** | **B.0** |
| 12 | - | 44 | 7 | 18 | - | 13 | - | - | - | 29 | 39 | - | - | - | - |
| - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 250 | - | - | - |
| - | - | 4 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| 7 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| - | - | - | - | - | - | - | - | 27 | 46 | - | - | - | - | - | - |
| - | - | - | 14 | - | - | - | 7 | - | - | - | - | - | - | - | - |
| - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 7 | - | - | - | - |
| - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 43 | 59 | - | - | 35 | 51 |
| **19** | **0** | **48** | **21** | **18** | **0** | **13** | **7** | **27** | **46** | **72** | **105** | **250** | **0** | **35** | **51** |
| **19** | | **69** | | **18** | | **20** | | **73** | | **177** | | **250** | | **86** | |
| **872** | | | | | | | | | | | | | | | |



3







*Tugasan luar yang dijalankan oleh kakitangan Pusat Konservasi di Muzium Sungai Lembing pada 18 - 23 April 2011.*

*Proses merekod dan proses konservasi artifak.*







*Antara koleksi artifak yang dipamerkan di Galeria Perdana, Langkawi sedang menjalani proses konservasi pada 21 - 27 April 2011.*



# PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN



# PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN

## PROFIL

Penyelidikan, Penerbitan dan Dokumentasi adalah salah satu bidang teras dalam perkhidmatan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) yang memainkan peranan penting ke arah mencapai objektif JMM untuk memelihara, mengekal dan menyebarkan ilmu pengetahuan tentang warisan negara. Bahagian Penyelidikan berperanan mengukuh dan mengembangkan bidang penyelidikan, dokumentasi dan penerbitan bagi memartabatkan fungsi JMM sebagai institusi penyebaran ilmu pengetahuan dalam bidang pameran, koleksi, sejarah, budaya dan alam semula jadi negara.

## PENYELIDIKAN

Penyelidikan yang dijalankan di JMM ialah penyelidikan sejarah, budaya, alam semula jadi, pameran dan koleksi.

Terdapat tiga jenis penyelidikan yang dijalankan di JMM dan menggunakan perkhidmatan di JMM, iaitu penyelidikan yang dilaksanakan oleh kakitangan JMM sendiri, penyelidikan yang dilaksanakan secara kerjasama dengan pihak luar dan penyelidikan yang dijalankan oleh pihak luar untuk JMM.





1



2



3



4

*1-2. Penyelidikan Dokumentasi Peralatan Pemburuan Orang Asli.*

*3. Manifestasi Tumbuhan dalam Ukiran Kayu di Alam Melayu.*

*4. Manifestasi Tumbuhan dalam Ukiran Kayu di Alam Melayu; Kajian Kes Kukuran dan Jebak Puyuh.*

## PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Bagi tahun 2011, sebanyak empat aktiviti penyelidikan telah dilaksanakan oleh JMM, iaitu;

a. Bangau dan Okok: Hiasan perahu di Pantai Timur dan koleksi terpilih Jabatan Muzium Malaysia.
b. Manifestasi Tumbuhan dalam Ukiran Kayu di Alam Melayu; Kajian Kes Kukuran dan Jebak Puyuh.
c. Dokumentasi peralatan pemburuan sara hidup Orang Asli.
d. Penyelidikan Tekstil;
    i. Kelingkam/Kelingkan/Keringkam
    ii. Kain Pelangi
    iii. Kain Telepuk
    iv. Kasuk Manik

Jabatan Muzium Malaysia juga menerima sebanyak 95 orang penyelidik luar dari institusi/ jabatan/organisasi luar sepanjang tahun 2011.




1



2




3

## PENERBITAN

Penerbitan merupakan wahana penting bagi JMM dalam mengekal, mengumpul dan menyebarkan maklumat serta pengetahuan mengenai warisan sejarah, budaya dan alam semula Jadi negara kepada masyarakat Malaysia khususnya dan masyarakat pembaca di seluruh dunia amnya seiring dengan matlamat, visi dan misi JMM.

Penerbitan JMM terdiri daripada penerbitan am dan penerbitan khas JMM, meliputi hasil kajian, penyelidikan, artikel dan karya kakitangan JMM mahupun pihak luar agar dapat dimanfaatkan oleh orang ramai dan memastikan setiap penerbitan Jabatan mengikut dasar dan garis panduan penerbitan yang telah ditetapkan.

*1. Berita JMM Jilid 10 Bil. 2 Isu: April – Jun 2011*
*2. Tamadun Prasejarah Malaysia, Muzium Negara*
*3. Kompilasi Kajian Kes Konservasi Artifak*
*4. Buku Panduan Galeri Muzium Negara*




4



## PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

| Bil | Tajuk Buku | Sinopsis |
|---|---|---|
| 1 | Tamadun Prasejarah Malaysia, Muzium Negara (dwi-bahasa) | Buku panduan berkenaan Galeri Pra-Sejarah Muzium Negara yang merangkumi susur galur evolusi pembentukan muka bumi dan asal-usul masyarakat awal di Malaysia, jumpaan alat batu Zaman Paleolitik (200 000 tahun dahulu) sehinggalah artifak peninggalan candi Hindu-Buddha di lembah Bujang pada Zaman Proto-Sejarah. |
| 2 | Penganjuran Pameran Muzium (terj.) | Terjemahan daripada buku *Museum Exhibition Staging* (Jailani Rohani). |
| 3 | *Q & A: Management of Snake Envenomation in Malaysia* (Bahasa Inggeris) | Buku panduan kecil versi bahasa Inggeris mengenai ular-ular berbisa di Malaysia serta tatacara pengurusan bisa patukan menerusi soalan ringkas dan jawapan. Kerjasama penerbitan antara JMM dan Pusat Racun Negara, USM. |
| 4 | Buku Panduan Galeri Muzium Negara | Empat buah buku panduan melawat galeri-galeri di Muzium Negara untuk kemudahan pelawat. |
| 5 | *Sacred Ikat: From Heirloom to Trade* (Bahasa Inggeris) | Buku yang memaparkan reka corak serta inspirasi yang diadaptasikan dalam koleksi Ikat Sumba, dan Kain Pua. |
| 6 | Berita JMM Jilid 9 Bil 1 Isu: Jan – Mac 2011 | Penerbitan berkala memaparkan tentang berita jabatan, aktiviti dan kakitangan JMM yang diterbitkan secara berjilid setiap empat bulan sekali (April, Ogos dan Disember). |
| 7 | Berita JMM Jilid 10 Bil. 2 Isu: April – Jun 2011 | Penerbitan berkala memaparkan tentang berita jabatan, aktiviti dan kakitangan JMM yang diterbitkan secara berjilid setiap empat bulan sekali (April, Ogos dan Disember). |
| 8 | Katalog Pameran Keranda: Tradisi dan Misteri | Buku katalog mengenai Pameran Keranda : Tradisi dan Misteri yang telah dilangsungkan di JMM pada tahun 2009. |
| 9 | Wacana Kurator | Himpunan kertas kerja Forum Kurator dari tahun 2003 hingga 2007. |
| 10 | Kompilasi Kajian Kes Konservasi Artifak | Buku kompilasi beberapa kajian kes bagi tujuan bahan rujukan dan panduan kepada konservator, pelajar IPT, profesional muzium dan individu-individu yang ingin memahami dan mendalami teknik-teknik berkenaan proses konservasi artifak di JMM. |
| 11 | Brosyur Pameran Foto Alam 2011 (Muzium Alam Semulajadi) | Brosur Pameran Foto Alam 2011 untuk kemudahan pelawat. |
| 12 | Buku Program Hari Muzium Antarabangsa 2011 | Buku Atur cara dan Aktiviti Hari Muzium Antarabangsa 2011 di Negeri Sembilan. |
| 13 | Brosyur Muzium Matang, Lenggong, Perak, Labuan, Chimney | Brosur Pameran Tetap Muzium Matang, Lenggong, Perak, Labuan, Chimney dan Marin Labuan untuk program Jom Santai. |
| 14 | Brosyur Pameran Buaya, (Muzium Alam Semulajadi) | Brosur Pameran Buaya untuk kemudahan pelawat di Muzium Alam Semula Jadi. |

*Jadual 3 : Senarai Penerbitan JMM 2011*



# PEMASARAN DAN KHIDMAT SERANTA




# PEMASARAN DAN KHIDMAT SERANTA

## PROFIL

Program Pemasaran Muzium dijalankan secara berjadual oleh Jabatan Muzium Malaysia bertujuan mempromosi dan menggalakkan masyarakat, pelancong serta media massa dan elektronik untuk lebih mengenali muzum. JMM komited dalam melaksanakan Program Pemasaran Muzium pada tahun 2011. Program-program tersebut adalah seperti yang berikut:





**Program Jom Santai Bersama Media**

Program Jom Santai Bersama Media merupakan program interaktif bertujuan mempromosi muzium-muzium Persekutuan dengan penglibatan pengamal media, pengusaha perhotelan, agensi pelancongan, NGO, agensi kerajaan dan ketua kampung. JMM telah menganjurkan empat sesi Program Jom Santai Bersama Media, iaitu di Muzium Perak, Galeria Perdana, WP Labuan dan Muzium Kota Kayang.






1


2



3

**Sidang Media Pameran Ikat Di Muzium Tekstil Negara**

Sidang Media Pameran "Ikat Keramat : Daripada Pusaka ke Perdagangan" telah diadakan pada 8 September 2011 di Muzium Tekstil Negara. Sidang Media ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM yang turut dihadiri Encik Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman), Puan Jenet Tee Siew Mooi serta Puan Marie Christine Tseng, selaku kurator undangan pameran ini. Sidang Media ini dihadiri oleh beberapa pemberita dari Harian Metro, Kosmo dan Utusan Malaysia. Tujuan sidang media ini diadakan adalah untuk mewacanakan kepada para pemberita bahawa pameran ini akan diadakan pada 15 September hingga 16 Oktober 2011, di Galeri Saindera, Aras 1, Muzium Tekstil Negara.

**Majlis Berkhatan di Muzium Adat**

Muzium Adat bersama masyarakat setempat telah mengadakan Program Bersama Komuniti Setempat dengan mengadakan majlis berkhatan. Program yang diadakan bersempena dengan cuti persekolahan yang panjang ini telah dijayakan bersama masyarakat setempat pada 1 Disember 2011 bersamaan hari Khamis. Tujuan program sebegini dianjurkan bagi mendekatkan masyarakat setempat dengan muzium yang bersesuaian dengan moto "Kunjungilah Muzium". Melalui program ini juga, telah didedahkan kepada masyarakat tentang adat berkhatan yang telah mula dilupakan disebabkan oleh peredaran zaman.

1. *YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM bersama sukarelawan "Cultural Impact", Marie Christine Tseng sedang memberikan penjelasan mengenai salah satu koleksi tekstil yang dipamerkan.*
2. *Ketibaan YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail ke Muzium Adat.*
3. *Majlis Khatam al-Quran dipimpin oleh Encik Razali bin Hassan.*




1



2

3




4



1. *Sidang media sempena pameran Misteri Sang Buaya.*
2. *YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM melihat buaya yang dipamerkan sambil diperhatikan oleh Encik Wan Jamaluddin, Timbalan Ketua Pengarah dan Degor, Kurator Muzium Alam Semula Jadi.*
3. *Tarikan utama pameran, spesimen buaya yang telah diawet.*
4. *Suasana di sekitar Pameran Misteri Sang Buaya.*

**Majlis Sidang Media Pameran Buaya di Muzium Alam Semula jadi**

Majlis Sidang Media Pameran Buaya telah diadakan pada 21 November 2011 bertempat di Muzium Alam Semula Jadi. Majlis ini bertujuan memberikan pendedahan awal tentang Pameran Misteri Sang Buaya yang berlangsung pada 26 November 2011 hingga 31 Januari 2012 dan sebagai satu usaha untuk mencapai sasaran pengunjung sempena musim cuti sekolah yang bermula pada 19 November 2011 hingga 3 Januari 2012. Sidang Media tersebut telah dihadiri oleh Ketua Pengarah JMM, YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail beserta 50 orang kakitangan JMM, dua orang kakitangan FELDA serta 10 orang wartawan termasuk jurugambar dari RTM, Sinar Harian, Bernama, Business Kini, Kosmo, dan Harian Metro.

**Sidang Media *"TEXTILE TALK"***

Muzium Tekstil Negara telah melangsungkan Majlis Sidang Media Pameran Batik Ela: Reka Corak dan Inovasi 1960-an – 1990-an pada 1 Disember 2011. Pameran ini merupakan pameran khas yang diadakan di Muzium Tekstil Negara bersempena dengan Karnival Tekstil 2011 dan sebagai satu penghormatan kepada Industri Batik Malaysia sempena sambutan pembuatan batik Kelantan. Sidang Media ini telah dihadiri oleh Ketua Pengarah JMM, YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, pegawai-pegawai kanan serta wartawan dari Berita Harian, Business Kini dan RTM.











**Majlis Sidang Media Pameran Busana Perkahwinan Mutiara**

Majlis Sidang Media Pameran Busana Perkahwinan Mutiara telah diadakan pada 29 November 2011 bertempat di Jabatan Muzium Malaysia. Majlis sidang media ini diadakan bertujuan menghebahkan kepada media dan orang ramai mengenai Pameran Busana Perkahwinan Mutiara yang berlangsung dari 26 November hingga 31 Disember 2011 bertempat di Muzium Negara. Seramai 42 wakil media termasuk media cetak, media elektronik, media sosial dan lain-lain.

**Penglibatan JMM Dalam PMS 1 Malaysia : Kenduri Nasi Daun Pisang**

